

Program Reunion Hi-Tea: Malaysia Alumni of Thailand sempena Malaysia Global Outreach in Thailand



Jangkauan Global Malaysia : Dimensi Baharu merupakan satu strategi ke arah memperkasakan pengajian tinggi negara dan memantapkan lagi kehadiran Malaysia di serantau dunia melalui pendekatan khusus iaitu tambatan hati. Dokumen ini telah menggariskan empat (4) strategi utama tunjang pelaksanaan Jangkauan Global Malaysia: Dimensi Baharu dan salah satu daripadanya adalah memanfaatkan hubungan alumni pelajar demi pengantarabangsaan (MyAlumni). Sehubungan itu, bagi merealisasikan strategi memanfaatkan hubungan alumni pelajar demi pengantarabangsaan dalam Jangkauan Global Malaysia: Dimensi Baharu, kumpulan kerja MyAlumni telah diberi kepercayaan untuk merangka pelbagai program dan aktiviti dalam melestarikan jalinan hubungan alumni sepanjang hayat. Program yang dibentuk ini bertujuan memanfaatkan alumni sebagai peranti strategi untuk mempromosikan institusi mereka ke peringkat antarabangsa dengan mengukuhkan alumni yang dimaksudkan.

Bagi memenuhi hasrat tersebut program Malaysia Global Outreach in Thailand telah di adakan. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan hubungan institusi pengajian tinggi dan alumni serta penubuhan dan pelancaran Malaysia Alumni Council of Thailand (MyAct). Program yang telah berlangsung di Hotel Nouvo City, Bangkok Thailand pada 28 Februari 2015.

turut menlancarkan secara rasminya Malaysia Alumni Council of Thailand. Pelancaran dan perasmian telah dilaksanakan oleh Duta Besar Malaysia ke Thailand iaitu PYT Dato' Nazirah Binti Hussein. Turut hadir dalam program tersebut ialah Prof.Madya Dr.Mansor Abu Talib merangkap Ketua Kluster MyAlumni.

Selain daripada UniMAP yang diwakili oleh Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Prof.Dr. Rosni Bakar dan Penolong Pendaftar, Nor Julianah Johari,turut hadir bersama memeriahkan program tersebut adalah wakil-wakil daripada universiti awam Malaysia antaranya Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah ,Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak dan Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS), Sarawak. Alumni dari Thailand yang telah

menamatkan pengajian mereka di beberapa universiti di tanah air iaitu UUM, USM dan UPSI juga turut serta di dalam program tersebut. Di dalam program ini, tetamu yang hadir dapat bertukar pandangan dan pendapat bagaimana Malaysia Alumni Council of Thailand yang berpengkalan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dapat membantu menarik minat warga Thailand untuk menyambung pengajian di Malaysia sekaligus dapat mempertingkatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia. Sehingga bulan Januari 2014, seramai 1137 alumni dari Thailand telah dilahirkan oleh universiti awam dan swasta di Malaysia. UniMAP merupakan salah sebuah universiti yang tersenarai dengan melahirkan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) (Perniagaan Antarabangsa) pada majlis konvokesyen yang lalu.